


# GEMPAK.

WEEKLY EDITION



BAWA WATAK ANTAGONIS DALAM KELUANG MAN,  
SHAMSIR BUKTI

Remy Ishak  
THE REAL ACTOR!



# REMY ISHAK

Penantian tayangan filem Keluang Man bakal dipenuhi dengan aksi hebat dan mendebaran oleh bintang terkenal, Remy Ishak.

Remy atau nama sebenarnya Mohammad Zalimei Ishak akan memainkan watak Shamsir dalam filem adiwira ikonik negara itu.

Walaupun Remy sudah berada dalam 'level' (kelas) yang berbeza selepas sekian lama berkecimpung dalam bidang lakonan, namun dia sendiri tidak menolak dan berasa teruja sebaik sahaja ditawarkan untuk menjadi sebahagian daripada keluarga besar Keluang Man.

"Sebenarnya sebagai pelakon saya nak cuba benda yang lain juga, selalu orang dah biasa tengok saya menjadi watak hero.

"Jadi deep down dalam hati saya nak juga pergi lebih kepada yang lain supaya orang boleh melihat saya dalam dunia ini bukannya sekadar menjual rupa maksudnya bakat.


"Jadi saya boleh variasikan hasil kerja-kerja lakonanan, ini adalah satu peluang saya untuk pergi ke arena yang lain.

"Untuk saya buktikan kepada penonton, peminat yang saya is the real actor," ujarnya.

Filem Keluang Man merupakan terbitan Astro Shaw dengan kerjasama GSC, Idea River Run dan rakan strategik Wonda Kopi, serta produksi Pasal Productions.

Diarahkan oleh Anwari Ashraf, filem ini menampilkan bariskan pelakon antaranya Nas Muammar Zar, Datuk Remy Ishak, Anwaar Beg Moghal, Datuk Rosyam Nor, Shweta Sekhon, Halim Othman, Amelia Henderson, Sham Sunder, Dennis Yin dan ramai lagi.

Nantikan tayangan filem Keluang Man di pawagam seluruh negara pada 29 Mei 2025.



## Remy membesar dengan Keluang Man

Sebagai seorang yang membesar dengan komik atau animasi Keluang Man, sudah pasti Remy berasa teruja apabila hero ikonik negara itu dihasilkan dalam bentuk filem.

"Saya membesar dengan Keluang Man, memang zaman saya dan saya juga menonton filem superhero.

"Kadang-kadang saya terfikir bila masanya Malaysia nak tampilkan superhero, rasanya sebelum ini kita belum ada, maksud saya yang seperti Keluang Man.

"Pernah juga saya terfikir mengenai perkara ini dan sekarang Keluang Man telah direalisasikan. Alhamdulillah saya juga terpilih untuk bersama-sama Keluang Man.

"Saya rasa teruja dan sangat berterima kasih kepada Astro Shaw sebab saya masih lagi ada dalam minda mereka untuk terlibat sama dalam Keluang Man. It's like a dream come true," ujarnya.



## Remy Ishak sebagai Shamsir

Dikenali sebagai hero Malaya, Remy bersyukur apabila dirinya dipercayai pihak produksi untuk melakonkan watak antagonis, Shamsir.

Malah sebagai seorang pelakon, Remy juga percaya bahawa *Keluang Man* berada pada produksi dan sutradara yang tepat iaitu Anwari.

"Sudah lama sebenarnya kami berbincang tentang projek ini. Jadi, pemilihan itu memang daripada awal dan saya juga membesar dengan *Keluang Man*.

"Untuk kali ini, saya cuba tampil lain daripada yang orang pernah jumpa saya sebelum ini. Sebagai contoh dalam filem *Sangkar* saya berjaya menaikkan berat badan sehingga 90kg.

"Jadi untuk Shamsir saya akan cuba tampil lebih lain supaya bila orang menonton itu mereka tidak akan nampak Remy Ishak tetapi Shamsir, the karakter dalam *Keluang Man*.

"Saya juga percayakan visi Anwari dan kita tahu hasil kerjanya seperti dalam *High Council* sangat hebat. Jadi saya rasa *Keluang Man* jatuh ke tangan pengarah yang tepat," jelasnya.

## Met Gala 2025 Bawa Tema 'Tailored For You', Fokus Fesyen Lelaki

Met Gala 2025 kembali mencuri perhatian dengan kehadiran selebriti dunia memperaga busana pereka terkenal. Acara ini juga mengutip dana untuk Costume Institute sempena pembukaan pameran Superfine: Tailoring Black Style, yang menyorot fesyen komuniti kulit hitam serta perannya dalam pembentukan identiti.

Menariknya, ini kali pertama dalam lebih 20 tahun pameran memberi fokus kepada fesyen lelaki dan mengetengahkan gaya Black style sebagai tema utama.

Mengangkat tema Tailored for You, ramai selebriti tampil bergaya dengan inspirasi sut dan jahitan kemas.

Siapa paling mencuri tumpuan? Jom semak. - MALIAH SURIP



### Shah Rukh Khan

Shah Rukh Khan mencuri tumpuan di Met Gala 2025 menerusi penampilan sulungnya, tampil yakin dalam busana hitam Sabyasachi Mukherjee walaupun mengaku pemalu dan sering mengelak karpet merah.

"Saya hanya mahu hitam dan putih, dan Mukherjee hasilkan rekaan yang sangat selesa," katanya.

### Kim Kardashian

Media BBC memilih Kim Kardashian sebagai antara selebriti yang tampil menarik pada Met Gala 2025. Bintang realiti Amerika Syarikat tersebut menggayakan busana hitam kulit buaya rekaan Chrome Hearts yang dipadu bersama rantai berlian.

### Colman Domingo

Bintang Star Wars, Colman Domingo mencuri perhatian di Met Gala 2025 dalam persalinan biru dramatik rekaan Valentino. Dalam temu bual bersama Vogue, Domingo, 55, berkata fesyen yang digayakan membuatnya berasa seperti seorang raja.

### Diana Ross

Penyanyi legenda Diana Ross mencuri perhatian di Met Gala dengan gaun putih meleret dan hiasan bulu, dibantu dua pembantu. Katanya, anak lelakinya memujuk untuk kembali selepas kali terakhir muncul pada 2023.

### Doja Cat

Doja Cat menarik perhatian di Met Gala 2025 dengan gaya 'seperti seorang gengster' dalam rekaan Marc Jacobs, padanan baju dengan padding bahu besar dan panel bustier corak harimau bintang.

## Hanya Satu Kata Buat KRU, Norman - Yusry - Edry, Kalian G.O.A.T

Sebenarnya tidak ada yang mengejutkan apabila Icon Entertainment mengumumkan penganjuran hari keempat Konser GenKRU yang mencetuskan gelombang, membangkit nostalgia serta masih menjadi trending di media sosial dengan dua daripadanya tuntas terlaksana hujung minggu lalu.

Selayaknya KRU ; Datuk Norman Abdul Halim, Yusry dan Edry mendapatkan pengiktirafan seumpama ini — meski ini konsert berbaya.

Hal yang demikian kerana tiada rakyat Malaysia yang duduk di negara ini, membesar pada fasa milenial atau 90-an yang tidak kenal KRU. Juga, adalah satu 'dosa kering' jika ada yang mengatakan tidak pernah mendengar waima sebuah lagu KRU ; sekurangnya Fanatik.

Maka kerana itu apabila tiga malam penganjuran, Konser GenKRU membelaud dengan setiap malam dibanjiri sekitar 9,000 peminat, ia telah membuktikan betapa berkuasanya trio yang diberi nama KRU.

KRU adalah G.O.A.T — meminjam akronim generasi kini yang membawa maksud 'Greatest of All Time' atau terbaik sepanjang zaman. Petualangan karya KRU adalah sebuah evolusi.

Bayangkan pada saat banyak gen X belum lahir dan baru mahu berjinak-jinak mengenal muzik hip hop atau rap masa kini, KRU dalam tempoh 33 tahun penglibatan di belantika hiburan telah menghidangkan kami dengan karya yang sudah melangkaui zaman.

Dengarkan sahaja Awas, Oh La La, Di Dalam Dilema, Mengerti, Negatif dan The Way We Jam telah dahulu mencetus evolusi tersendiri sehingga saat ia didendangkan dengan trio ini sudah tidak lagi muda, namun lagu-lagu mereka tetap bersifat 'remaja'.

Kerana itu GenKRU akan berlangsung pada malam keempat bukan satu kejutan. Ia umpama 'hari raya' buat industri muzik tempatan yang akhirnya melihat secara jelas bahawa peminat di negara sendiri tidak pernah berkiblatkan muzik negara jiran.

Hanya permasalahannya adalah sudah terlalu lama lanskap muzik tempatan tidak dihidangkan dengan sebuah evolusi seperti yang dilakukan KRU. Ini yang patut diperbetulkan oleh komposer atau individu yang mengaku mereka pengkarya untuk melestarikan muzik tempatan kita. - MALIAH SURIP



# GEMPAK SINEMA




Pengarah: Faisal Ishak

Pelakon: Beto Kusyairy, Nabila Huda, Syafie Naswip, Yayan Ruhian

Genre: Aksi/Biografi

Gayong mengisahkan perjalanan hidup Allahyarham Datuk Meor Abdul Rahman (ADMAR), pengasas Pertubuhan Seni Silat Gayong Malaysia, yang tidak hanya mempertahankan maruah bangsa di gelanggang persilatan, tetapi juga bangkit mempertahankan tanah air ketika negara diancam oleh penjajah.

Bermula era British lewat 1930 an berhijrah ke Singapura untuk merantau kemudian bekerja sebagai mekanik dalam tentera British Singapura diikuti penjajahan Jepun dalam masa sama beliau perkembangkan Silat Gayong kepada luar sana meskipun pelbagai cabaran.



Pengarah: Adhe Dharmastriya

Pelakon: Adhe Dharmastriya, Safira Ratu Sofya, Rukman Rosadi

Genre: Seram/Thriller

Selepas kematian tragis Pak Mulwanto pada hari mistik Selasa Kliwon, keluarga Nuri mula dilanda kejadian aneh dan menyeramkan. Dikatakan sesiapa yang meninggal pada hari itu akan "mengajak" ahli keluarga lain untuk turut menjemput ajal.

Demi mengelakkan malapetaka, keluarga mereka diarahkan menjalani ritual tertentu. Namun, Wisesa anak sulung yang juga seorang doktor menolak kepercayaan itu dan memilih menjaga ibunya yang masih berduka. Apabila Nuri dan adiknya Yanda turut digangu kejadian ganjil, mereka terpaksa menyelami rahsia di sebalik mitos dan ritual yang selama ini dianggap karut.



Pengarah: Felipe Vargas

Pelakon: José Zúñiga, Emilia Faucher, David Dastmalchian

Genre: Seram

Ketika Rosario bermalam bersama neneknya sambil menunggu ketibaan ambulans di tengah-tengah ribut salji yang teruk, dia mula digangu oleh entiti dari alam lain yang telah menguasai tubuh neneknya.

Malam yang sepatutnya tenang bertukar menjadi mimpi ngeri apabila kuasa gelap mula menyerang tanpa amaran.

## Norrisham, Achik Mael & Amira Othman Kuasai Carta Trending GMW Minggu Ini!

Pempengaruh Norrisham menduduki tempat pertama kategori Foodie, mengatasi pencipta kandungan popular seperti Jason, Sofiia Marieylla, Isaac Osman dan Darus Lantak.

Sementara itu, dalam kategori Entertainment, Achik Mael mengungguli senarai diikuti oleh Zuly Ali, Ki Misri, The Pretty Mamas dan Arwind Kumar.


Untuk carta lagu paling trending, "Bila Nak Kahwin?" oleh Amira Othman menduduki tangga teratas, diikuti oleh "Nurcinta" (Amir Masdi), "KUDETA" OST Kahar Kapla, "Keluang Man" (Krisya & SOG), dan "Rahsia Tuhan" (Noh Salleh).

Akhir sekali, antara selebriti paling trending minggu ini ialah Amira Othman yang terus mencuri perhatian, diikuti oleh Shukri Yahaya, Zahiril Adzim, Faizal Hussein dan Ummi Nazeera.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi [www.gempakmostwantedawards.com](http://www.gempakmostwantedawards.com) bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

### Digital Creator Trending (Lifestyle)

- No 1: Christy Ng
- No 2: Fazli Halim
- No 3: Haroqs
- No 4: Nabilah Nazib
- No 5: Nadiah Razman

### Digital Creator Trending (Foodie)


- No 1: Norrisham
- No 2: Jason
- No 3: Sofiia Marieylla
- No 4: Isaac Osman
- No 5: Darus Lantak

### Digital Creator Trending (Entertainment)

- No 1: Achik Mael
- No 2: Zuly Ali
- No 3: Ki Misri
- No 4: The Pretty Mamas
- No 5: Arwind Kumar

### Video Muzik Trending

- No 1: Kerana Ego - Khai Bahar
- No 2: Hijab Rindu - Black Hanifah
- No 3: lagu lelaki gila. - Naim Daniel (ft. Azwan Ali)
- No 4: PIPI - Fahimi Rahmat
- No 5: Salahkah Aku? - Luqman Podolski





## MyBurgerLab Tampil Dengan Burger Eksklusif Wonda-Ful Keluang Man Burger!

Buat pertama kali dalam filem tempatan, Keluang Man memperkenalkan burger eksklusif bertemakan watak ikonik ini yang dinamakan, 'Wonda-ful Keluang Man burger'.

Kolaborasi strategik antara Keluang Man, Kopi Wonda dan myBurgerLab ini meraikan keunikan adiwira tempatan dalam bentuk sajian menarik.

Burger ini menampilkan roti maroon khas bersama sos istimewa yang diadun dengan Kopi Wonda, diinspirasikan daripada sut Keluang Man.

Burger ini boleh didapati di semua cawangan myBurgerLab pada harga RM20 atau dalam set lengkap bersama kentang goreng dan Wonda milkshake pada harga RM41.90.

Burger edisi terhad Wonda-ful Keluang Man Burger ini boleh didapati di cawangan myBurgerLab sejak 1 Mei lagi termasuklah secara atas talian di platform penghantaran makanan, Grab dan Foodpanda.

## INNOVATHON Musim 3 Kembali! Ujibakat Kini Dibuka

Astro bersama Kementerian Ekonomi dan MOSTI kembali dengan 'INNOVATHON' musim ke-3, mencari innovator kreatif tempatan bermula 10 Jun hingga 5 Ogos 2025. Uji bakat akan diadakan di enam lokasi termasuk Kuching, Pulau Pinang, Sabah, Terengganu, Johor dan Kuala Lumpur.

Program ini pernah menang Anugerah ContentAsia 2024 dan musim lalu menyaksikan 56 idea inovatif diketengahkan, dengan Profesor Dr. Azizi Ayob muncul juara.

Pendaftaran boleh dibuat melalui imbasan kod QR, dan peserta perlu hadir uji bakat fizikal dengan dokumen lengkap.

Maklumat lanjut di [gempak.com.my](http://gempak.com.my) atau [astro.com.my](http://astro.com.my).



## Pamungkas, India, DOLLA Bakal Gegarkan Pestapora 2025

Latihan Pestapora Malaysia 2025 akan berlangsung pada 26 Julai sebagai praacara kepada festival asalnya di Jakarta, menampilkan kolaborasi artis Indonesia dan Malaysia.

Artis Indonesia seperti Pamungkas, India, Kunto Aji, Feel Koplo bakal berkongsi pentas dengan artis tempatan seperti DOLLA, Bunkface, Bittersweet dan lain-lain.

Lebih 2,000 tiket terjual sebelum pengumuman rasmi barisan artis, menunjukkan sambutan hangat.

Tiket bermula RM129 dan boleh didapati di [latihanpestaporamalaysia.com](http://latihanpestaporamalaysia.com).

## Ikmal Tumbangkan Haqeem Di Championship

Pelakon Ikmal Amry mencatat kemenangan ke atas Hun Haqeem dalam pertarungan sengit di Fury Championship, menumbangkan lawannya pada minit ketiga pusingan pertama di Zepp KL.

Walaupun bersyukur dengan kemenangan, Ikmal meluahkan rasa simpati terhadap Hun yang cedera, terutama di bahagian lutut yang pernah alami kecederaan ACL.

Pertarungan disaksikan 1,700 penonton, dan Ikmal mengakui keberatan berlawan dengan rakan sendiri.

Fury Championship merupakan kejohanan sukan tempur pertama di Malaysia, diasaskan oleh Wafiy dan Jaa Suzuran, dengan misi menjadikan ia platform utama sukan tempur negara.

## Amry Hun Fury





## Financial Faiz

@financialfaiz ✓

### Gagal Patuh Undang-Undang E-Hailing Malaysia, InDrive & Maxim Bakal Dihentikan Operasi

Dua platform e-hailing, InDrive dan Maxim dilaporkan akan dihentikan operasi di Malaysia kerana gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Jelas pendidik kewangan, Faiz Azmi, tindakan ini diambil kerana syarikat e-hailing dari Rusia itu tidak memastikan semua pemandu mereka memiliki lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) dan kenderaan mereka tidak mempunyai permit sah untuk operasi e-hailing.

Faiz turut menegaskan bahawa pemilikan permit dan lesen PSV ini penting kerana khuatir jika berlaku sebarang perkara yang tidak diingini.

"Operasi syarikat InDrive dan Maxim akan dihentikan kerana tidak mengikuti peraturan yang telah ditetapkan dekat Malaysia.

"Kalau ada apa-apa yang tak kena terjadi kepada keluarga anda semasa menaiki kenderaan daripada syarikat mereka, dekat siapa anda nak salahkan? Nak salahkan kerajaan? Tapi syarikat-syarikat ini yang langgar peraturan, tapi ada juga yang nak marah kerajaan pula," ujarnya.

Dalam pada itu, Faiz turut mengingatkan betapa pentingnya mematuhi undang-undang apabila menjalankan perniagaan di Malaysia.

"Jadi kita jangan ingat kita boleh main-main bila nak buat bisnes dekat Malaysia. Kita kena ikut undang-undang yang ada. Tiada lesen atau permit, tak perlu teruskan operasi.

"Mereka boleh buat rayuan, tapi keputusan masih lagi di tangan Menteri Pengangkutan," jelasnya.



Tindakan tegas ini memberi isyarat jelas bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dalam hal keselamatan dan pematuhan undang-undang khususnya dalam sektor pengangkutan awam dan e-hailing yang melibatkan ribuan pengguna setiap hari.

Terdahulu, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke mengumumkan bahawa dua aplikasi e-hailing dari Rusia, InDrive dan Maxim, telah diarahkan untuk menghentikan operasi mereka di Malaysia berkuat kuasa 24 Julai 2025.

Langkah ini diambil susulan tindakan kedua-dua syarikat yang gagal mematuhi syarat peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715), terutamanya mengenai pematuhan lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) yang wajib dimiliki oleh pemandu e-hailing serta memastikan bahawa semua kenderaan di bawah platform

mereka beroperasi dengan Permit Kenderaan E-hailing (EVP) yang sah.

Pelanggaran ini mengakibatkan kedua-dua syarikat berdepan dengan risiko pembatalan lesen, sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 12D(1)(a) akta tersebut.





## Foodpanda Heroes Nab Snatch Thief

Six Foodpanda riders in Klang were hailed as heroes after they bravely helped police capture a serial snatch thief who had been targeting women walking alone.

When one rider witnessed the suspect attempting a snatch theft, he quickly alerted his fellow riders and together they chased and detained the thief until authorities arrived.

Their swift and courageous action earned them praise from the Selangor police and appreciation certificates for helping end the thief's crime spree.



## 59% Malaysians Quit Due To Bad Work Culture

A recent report shows that 59% of Malaysian employees have left their jobs due to toxic work environments, marking the highest percentage in the Asia Pacific region.

The study highlights that many workers are driven to resign because of poor leadership, lack of respect, bullying, burnout and unhealthy workplace cultures that affect both their mental well-being and job satisfaction.

This trend signals growing concern over workplace toxicity in Malaysia, with employees increasingly prioritizing healthy, respectful and supportive environments over simply staying employed.



## M. Nasir Takes Over Wonda Billboards

Iconic Malaysian singer M. Nasir has taken center stage in Wonda Coffee's latest billboard campaign across the Klang Valley, surprising fans and coffee lovers alike.

Known for his legendary contributions to the local music scene, M. Nasir revealed that Wonda Coffee is genuinely his favorite drink, making the collaboration feel authentic and personal.

The campaign showcases his signature style and charisma on multiple billboards, adding a nostalgic yet refreshing twist to the brand's image.

Read more at [www.rojakdaily.com](http://www.rojakdaily.com)